

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

PETIR telah mengambil langkah memboikot keraian-keraian terhadap kepada lawatan Duke of Edinburgh dengan ada kecualian iaitu hanya yang diluluskan mereka ialah dua keraian sahaja iaitu dari Majlis Bandaraya dan di dalam pameran perlembagaan, kerana di dalam kedua-dua ini orang-orang PETIR sendiri jadi kepalanya.

Orang ramai hairan melihat langkah dan sifat seperti ini terutamanya di dalam golongan orang-orang yang beragama Islam kerana menurut pengajaran Islam walau musuh sekalipun datang ke tempat atau “ke rumah” kita mestilah kita raikan – bukan dimusuhi atau diboikot, kalau sifat ini, menurut kaca mata Islam tandanya kurang akhlagnya.

Bahkan ada pula yang bertanya bagaimanakah kalau yang datang itu dari negara-negara komunis! Ada orang menelah harus mendapat keraian semestinya. Sebabnya? Jawabnya terserah!

\* \* \*

Dahulu, sebelum lagi jamuan teh Persekutuan Arab meraikan Tengku Abdul Rahman di Singapura, Tuan Ong Eng Guan, ke mana majlis pun ia pergi hanya memakai kemeja sahaja dengan semboyan bahawa ia orang dari rakyat tetapi sekarang, sesudah jamuan itu, kebanyakan keraian, yang dihadapinya ia memakai baju dengan cukupnya – demikian juga tatkala ia menerima kenyataan Duke of Edinburgh. Adakah sekarang Tuan Ong itu sedar bahawa tiap-tiap majlis keraian itu mustahak

dihormati dengan pakaian yang baik – tidak hanya datang dengan kemeja sahaja? Kalau ini sebagai suatu kesedaran adalah disyukuri!

\* \* \*

Dalam majlis meraikan Duke of Edinburgh di Pameran Perlembagaan Singapura, Dato’ Abdul Hamid Jumat yang telah mengiring Duke itu telah pergi meninggalkan majlis itu sebagai bantahan kerana isterinya tidak diberi tempat duduk. Hal ini, dipandang oleh Dato’ Abdul Hamid sebagai suatu perbuatan yang merendahkan tidak hanya kepada dirinya tetapi juga kepada bangsa Melayu. Tuan Yip Peng Gik telah meminta maaf atas kejadian itu dengan memberi alasan-alasan atau sebab-musabab makanya terjadi demikian. Walhasil kalau telah terjadi sesuatu perkara ada sahaja alasannya.

\* \* \*

Di dalam mesyuarat agung istimewa UMNO di Kuala Lumpur baharu-baharu ini Tunku dengan mengejut meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu kerana menumpukan pemerhatiannya terhadap kepada pilihan raya yang akan datang yang akan menentukan adakah Perikatan akan berkuasa penuh seperti sekarang! Seimbis lalu langkah ini dijalankan adalah semata-mata kerana ketulusan Tunku sendiri supaya dapat menjalankan cita-citanya melaksanakan terus rancangan yang ditaja oleh Perikatan hari ini. Tetapi dipandang dari segi siasah sebahagian orang berpendapat bahawa tujuannya hanya berhenti sementara supaya kelak dapat

pula memegang jawatan Perdana Menteri di dalam jangka panjang, lebih panjang daripada masa hampir kepada pilihan raya itu.

\* \* \*

Persekutuan Tanah Melayu akan menghadapi pilihan raya tidak lama lagi. Pihak-pihak parti-parti siasah dari sekarang telah bekerja keras untuk meminta rakyat supaya kelak memilih calon-calon mereka. Perikatan sekarang bersuara meminta supaya di dalam kempen pilihan raya itu nanti janganlah menyentuh perkara-perkara peribadi seseorang. Ini dipandang oleh sebahagian pihak adalah baik benar tetapi mereka pula berkata apakah dahulu orang-orang Perikatan, terutamanya pihak UMNO di dalam pilihan raya yang lalu tidak juga menyentuh peribadi-peribadi orang lain? Jawapan atas hal ini lihatlah rekod lama ada lebih baik kerana kalau dahulu orang boleh dihamun maka sekarang pula tentu orang akan berkata mereka boleh pula hamun sebab dahulu mereka terkena hamun. Tentunya hal ini orang memandang bagaimana gendang begitulah tarinya – kalau tidak kelak janggal berlawan.

\* \* \*

Hamzah Alang dari UMNO telah menegur Dato' Onn dengan caranya bekerja sekarang. Dato' Onn adalah diakui orang yang berjasa kepada tanah air, katanya, dan jasanya tidak dapat dihapuskan daripada sejarah tanah air. Hanya Dato' sekarang tidak mau mengikuti perubahan zaman lagi. Di dalam tegurannya Hamzah Alang ini betulnya yang patut diterima Dato' Onn. Kekalahan perjuangannya di Batu Pahat melawan calon Perikatan – Tuan Syed Isa dahulu wajib diselidiki dan diperhatikan. Kekalahan itu, menurut sebahagian orang, tidak lain kerana cara Dato' Onn adalah selalu menyelar orang. Dato' Onn patut mengubah langkah itu dengan cara am.

- menerangkan kelemahan dan keburukan yang terjadi, mengikut apa yang berlaku – tidak menyentuh peribadi orang. Umat sekarang tidak lagi berperasaan suka mendengar perkara-perkara yang kasar tetapi berhajat kepada penerangan-penerangan sekalipun orang lain menyentuh perasaan kita. Perubahan perasaan ini wajib dikaji! Kalau mau bekerja lebih licin maka hendaklah tahu membezakan tempat-tempat di mana kita bercakap iaitu dengan lebih dahulu mengadakan penyelidikan-penyelidikan terhadap kepada tabiat-tabiat orang-orang di sesuatu daerah; dan dengan kesudahan daripada penyelidikan ini maka baharulah disesuaikan cara-cara bekerja itu kepada kemajuan tabiat di sesuatu daerah itu. Dengan demikian inilah sahaja dapat dibuat daya penarik yang berkesan.

\* \* \*

Seorang pembaca Qalam yang menyimpan naskhah-naskhah Qalam yang lama telah menulis menyatakan hairannya melihat langkah Dato' Onn sekarang. Dahulu Qalam telah membidas Dato' Onn terhadap kepada langkah-langkahnya masa itu dengan memberi penjelasan-penjelasan dan anjuran-anjuran bagaimana mestinya bekerja. Dato' Onn tidak mahu memerhatikan anjuran itu. Tetapi sekarang, ia setelah menelaah semula majalah itu, hairan mengapa Dato' Onn sekarang berjuang hampir-hampir serupa dengan apa yang di bahas oleh Qalam dahulu. Jawapan atas ini, tidak lain dan tidak bukan adalah selalu seseorang itu tidak mau menyedari dan menyelidiki sesuatu dengan mendalam. Kerana itu selalu langkah-langkah yang dibuat merugikan kepada semua pihak dan kepada diri sendiri. Sebab itulah juga, dalam masa beberapa tahun ini pihak Qalam tidak banyak menulis mengenai perkara siasah dalam negeri di Tanah Melayu kerana apa yang telah

(sambungan di muka 46)

## Dari Sebulan ke Sebulan

(sambungan dari muka 8)

Ditulis dahulu sudah terang – tidak payah diulang.

Kalau tidak percaya baca naskhah-naskhah lama Qalam.

\* \* \*

Apabila menulis mengenai pilihan raya yang hampir masanya maka perkara-perkara yang dapat diperhatikan ramai mereka-mereka yang mau kemuka sebagai pemimpin satu-satu parti ataupun atas nama parti itu sendiri mereka sekarang semuanya menjadi orang baik, mengunjungi orang-orang daerah-daerah yang bakal diminta memilih mereka. Mereka berbuat dan berkelakuan seakan-akan orang-orang yang sedia memberi khidmat dan kebajikan kepada kaum – giginya dilembutkannya daripada lidahnya supaya ia kelak dapat dipilih oleh daerah-daerah itu. Perbuatan ini patut dihakimkan oleh mereka (rakyat) sendiri yang mengetahui apakah yang di dapat mereka tatkala memilih orang-orang itu yang tidak mengendahkan langsung keadaan umat apabila mereka terpilih sahaja. Lembut mereka seperti kata pepatah jika tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah!

---

## Kebudayaan Islam

(sambungan dari muka 10)

Saat yang bersempena baik dan sangat-sangat besar ertinya dalam sejarah Islam di Afrika Selatan, ialah saat kedatangan Maulana Abdul Aleem Siddiqi pada kali yang akhir. Beliau telah meninggalkan kesan dan semangat yang akan menjadi punca ilham bagi masyarakat Islam di Afrika Selatan untuk beberapa lama.

Kunjungan beliau membuka mata umat Islam. Dengan galakan beliau banyak pertubuhan-pertubuhan Islam di sini telah berusaha membuat perubahan-perubahan yang membina.

Pendidikan Islam di Afrika Selatan sekarang tidak begitu dicengkam bahaya seperti dahulu. Pemeluk-pemeluk Islam di sini makin bertambah jumlahnya pada tiap-tiap tahun.

Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai itu tidak bermakna kita sudah berpuas hati dengannya, kita mestilah berusaha lebih cergas lagi dalam lapangan penyiaran Islam dan perkembangan kebudayaannya.

Afrika Selatan akan tetap menjadi daerah yang tidak terbatas kepada kemajuan Islam, dan kerana itu tiap-tiap seorang Islam berkewajipan menjadi duta Islam barang di mana ia berada.

Siapakah di antara sahabat Ansar yang utama?

Jawabnya ialah

### Sa'ad ibn Mu'adh

Bangsawan kabilah Aus yang utama yang banyak jasanya kepada Islam: Perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

“Kematian Sa'ad ibn Mu'adh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum Muslimin” – kata Umm al-Mu'minin 'A'ishah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini.

Sejarah syuhada Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen pos  
10 sen.